



## جدوال وقت سمبهيغ

\*\*\*\*\*

**FEBRUARI 2023**

REJAB 1444H - SYAABAN 1444H

رجب ١٤٤٤هـ - شعبان ١٤٤٤هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Rabu	1	10	5.59	7.36	12.19	2.25	4.53	6.29
Khamis	2	11	5.58	7.35	12.19	2.27	4.54	6.29
Jumaat	3	12	5.56	7.33	12.19	2.28	4.56	6.30
Sabtu	4	13	5.55	7.32	12.20	2.30	4.58	6.32
Ahad	5	14	5.53	7.30	12.20	2.31	5.00	6.33
Isnin	6	15	5.51	7.28	12.20	2.33	5.02	6.35
Selasa	7	16	5.50	7.27	12.20	2.34	5.04	6.36
Rabu	8	17	5.48	7.25	12.20	2.36	5.05	6.37
Khamis	9	18	5.46	7.23	12.20	2.37	5.07	6.38
Jumaat	10	19	5.44	7.21	12.20	2.38	5.09	6.40
Sabtu	11	20	5.43	7.20	12.20	2.40	5.11	6.42
Ahad	12	21	5.41	7.18	12.20	2.41	5.13	6.44
Isnin	13	22	5.39	7.16	12.20	2.43	5.14	6.44
Selasa	14	23	5.37	7.14	12.20	2.44	5.16	6.46
Rabu	15	24	5.35	7.12	12.20	2.45	5.18	6.48
Khamis	16	25	5.33	7.10	12.20	2.47	5.20	6.50
Jumaat	17	26	5.31	7.08	12.20	2.48	5.22	6.51
Sabtu	18	27	5.29	7.06	12.20	2.50	5.24	6.53
Ahad	19	28	5.27	7.04	12.19	2.51	5.25	6.54
Isnin	20	29	5.25	7.02	12.19	2.52	5.27	6.56
Selasa	21	1	5.23	7.00	12.19	2.54	5.29	6.57
Rabu	22	2	5.21	6.58	12.19	2.55	5.31	6.59
Khamis	23	3	5.19	6.56	12.19	2.56	5.33	7.01
Jumaat	24	4	5.17	6.54	12.19	2.58	5.34	7.02
Sabtu	25	5	5.15	6.52	12.19	2.59	5.36	7.03
Ahad	26	6	5.13	6.50	12.19	3.00	5.38	7.05
Isnin	27	7	5.11	6.48	12.18	3.02	5.40	7.07
Selasa	28	8	5.09	6.46	12.18	3.03	5.42	7.09



**Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke 39 tahun**  
(Hari Khamis 23 Februari 2023M bersamaan 03 Syaaban 1444H)

## Nasihah Untuk Kita Bersama

### HARGAI MASA

Masa itu sangat berharga dan ia berlaku dengan begitu pantas tanpa kita sedari. Justeru, kita hendaklah menghargai dan menggunakan masa yang ada ini dengan sebaik-baiknya.

Sesungguhnya masa itu jika tidak dimanfaatkan dan digunakan dengan sebaik-baiknya, nescaya ia akan menyebabkan manusia itu benar-benar dalam kerugian. Ini kerana kesempatan umur yang diberikan oleh

Allah SWT tidak semua manusia memanfaatkan dengan sebaiknya. Mereka lalai dari mengingati Allah, lalai menjalankan perintah dan laranganNya dan lalai dari melakukan amal kebajikan. Setiap hari

umurnya hanya dihabiskan untuk melakukan perkara-perkara yang sia-sia. Apatah lagi jika umurnya itu digunakan untuk melakukan kemaksiatan. Maka mereka itu benar-benar termasuk golongan yang di dalam kerugian.

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Asr ayat 1-3 tafsirnya:

**“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk bersabar.”**

Allah SWT menerangkan bahawa manusia itu sentiasa berada dalam kerugian kecuali mereka yang melakukan empat perkara:

**Pertama:** Beriman, iaitu memiliki akidah yang kukuh terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan apa yang disyariatkannya.

**Kedua:** Melaksanakan amal soleh. Ia bukan sekadar mendirikan sembahyang, berpuasa dan berzikir, akan tetapi ia meliputi semua amalan soleh di dalam Islam seperti berbuat baik kepada ibubapa, menghubungkan silaturrahim dan seumpamanya.

**Ketiga:** Berpesan-pesan kepada kebenaran. Iaitu memberi nasihat, tunjuk ajar dan teguran kepada orang lain tentang apa yang benar dan juga tentang apa yang salah.

**Keempat:** Berpesan-pesan kepada kesabaran. Iaitu memberi nasihat kepada orang lain agar sabar dalam menghadapi musibah serta sabar dalam melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya.